



KENYATAAN MEDIA

MENTERI PERPADUAN

RAKYAT DINASIHATI AGAR SENTIASA MENJAGA DAN MENGHORMATI SENSITIVITI AGAMA DAN BUDAYA MALAYSIA

Saya dengan tegas mengutuk segala bentuk kelakuan yang mempersenda atau menghina mana-mana agama, termasuk agama Hindu, yang berlaku di sebuah stesen radio tempatan iaitu Era FM.

Tindakan sedemikian jelas bertentangan dengan prinsip-prinsip Rukun Negara yang menjadi asas negara ini. Kita harus sentiasa menjaga dan menghormati sensitiviti agama dan budaya yang ada di Malaysia.

Sebagai sebuah negara yang majmuk, kita harus memupuk semangat saling menghormati antara satu sama lain, tanpa mengira latar belakang agama atau bangsa. Sebarang perbuatan yang menyinggung perasaan agama lain tidak sepatutnya diterima dalam masyarakat kita yang berbilang kaum.

Sehubungan itu, saya menyeru agar Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk bertindak mengikut peruntukan yang ada di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) bagi memastikan sebarang penyebaran kandungan yang mempersenda atau menghina agama di media massa dikenakan tindakan yang sewajarnya.

Akhir sekali, saya mengingatkan supaya semua pihak untuk tidak mencetuskan ketegangan atau perasaan benci antara penganut agama. Setiap tindakan yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian negara harus dipandang serius.

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA
4 MAC 2025**